

1103/2

Bahasa Melayu

Kertas 2

Ogos

2019

$2\frac{1}{2}$ jam



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2019**

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[*Lihat halaman sebelah*

Soalan 1 : Rumusan**[30 markah]**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang impak gejala rasuah dan punca seseorang terlibat dalam rasuah. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Rasuah merupakan penyakit sosial yang banyak memberi kesan buruk bukan sahaja terhadap individu bahkan juga kepada masyarakat dan negara. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak berkuasa, iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam mendidik masyarakat tentang bahaya rasuah. Tangkapan demi tangkapan membabitkan penjawat awam telah dilakukan oleh SPM. Ternyata operasi besar-besaran hasil daripada komitmen dan iltizam pihak SPM untuk membersihkan rasuah dalam kalangan penjawat awam mula *menampakkan hasil* yang jelas. Hampir setiap minggu pasti ada pendakwaan yang dilakukan oleh SPM terhadap penjawat awam yang terlibat dalam rasuah.

Gejala rasuah yang tidak dibendung akan menyebabkan kehidupan masyarakat menjadi tidak harmoni. Sebagai contohnya, sikap prasangka buruk akan timbul terhadap jiran yang mempunyai harta yang banyak tetapi tidak sesuai dengan pendapatan bulanannya. Gejala rasuah yang berlaku juga akan mengganggu-gugat perkembangan ekonomi negara. Hal ini disebabkan oleh pelabur asing takut untuk datang melabur di negara ini kerana terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk memberi rasuah kepada pihak yang meluluskan permohonan perniagaan. Selain itu, perbuatan rasuah dalam pemberian tender kerajaan boleh menyebabkan kos meningkat kerana peniaga ingin mengimbangi keuntungan.

Rasuah menyebabkan harga barang menjadi lebih mahal kerana peniaga terpaksa menaikkan harga jualan atau perkhidmatan untuk menampung wang rasuah yang terpaksa dikeluarkan kepada pihak-pihak tertentu. Sesungguhnya, imej negara pasti akan tercemar jika amalan rasuah terus berleluasa di negara kita. Impaknya, rakyat negara luar pula akan beranggapan bahawa rakyat Malaysia kurang mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Kegiatan rasuah juga akan melumpuhkan fungsi perjalanan sesuatu organisasi kerajaan tadbir urus meminggirkan integriti.

Selain itu, kerajaan menjadi lemah kerana setiap kali rasuah berlaku, maka kerajaan kehilangan hasil kerana wang yang sepatutnya menjadi pendapatan negara jatuh ke tangan pihak yang tidak bertanggungjawab. Kesan yang paling besar daripada gejala rasuah ini ialah pentadbiran sesebuah negara menjadi kucar-kacir. Oleh sebab gejala rasuah memberi impak yang besar kepada individu, masyarakat, dan negara, kini SPM lebih giat memberkas mereka yang terlibat dalam gejala rasuah tanpa memilih bulu. Mereka akan diburu hingga ke lubang cacing. Semua individu terbabit akan dibawa ke muka pengadilan untuk menjadi pengajaran kepada masyarakat.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pulihkan Integriti Penjawat Awam'
oleh Noor Mohamad Shakil Hameed,
Berita Harian, 17 Januari 2017

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *menampakkan hasil*. [2 markah]

(ii) Pengarang menyatakan beberapa tindakan yang telah dan akan dilakukan untuk mengurangkan perbuatan menerima rasuah.

Apakah tindakan-tindakan tersebut? [3 markah]

(iii) Menjadi harapan masyarakat agar negara kita bebas daripada gejala rasuah.

Pada pendapat anda, apakah yang akan berlaku sekiranya negara kita bebas daripada rasuah? [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Pesan bonda itu kekal melebat dalam hati sanubari saya. Pesan mulus yang terpahat lama di pangkal hati. Oleh itu, saya tangguhkan berkali-kali hasrat itu. Hasrat untuk menjengah wajah kota yang pesat dengan kemajuan dan peradaban. Saya batalkan keinginan meruap-ruap dalam diri saya untuk mencari pengalaman baharu sebagai warga kota.

Kata bonda, kota besar itu sudah hilang segala nilai-nilai tradisinya. Kota yang sekadar dibangunkan dengan kempen dan slogan itu sarat dengan api prasangka dan runcing prejudis para warganya yang berbilang bangsa dan bercampur aduk pula budaya dan bahasa pertuturnya. Manusia dipisahkan oleh benteng-benteng ketaksuhan dan kepentingan diri masing-masing.

Mereka dipecah-pecahan oleh ideologi, puak dan etnik, warna kulit, bahasa percakapan serta fahaman politik sehingga mengundang resah dan amarah. Lantas masing-masing bangun untuk berjuang menegakkan identiti sendiri.

Saya teringat cerita bonda tentang kota mewah itu yang pernah mencecah sejarah hitam dekad lampau. Sejarah yang meninggalkan parut luka sentimen yang bukan sedikit. Sejarah suram yang berparut duka angkara gelodak emosi dan kesumat yang mengalir dalam dada setiap warganya sejak sekian lama.

Dipetik daripada cerpen ‘Munsyi’
oleh Husna Nazri
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Mengapa bonda mengatakan bahawa kota besar itu sudah hilang nilai-nilai tradisinya?
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah persiapan-persiapan yang perlu dilakukan sebelum seseorang itu berhijrah ke bandar?
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** pengajaran lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.
[4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka tiada disahut oleh Tun Perak kata itu. Sekali lagi Seri Amerta berkata, itu pun tiada disahuti oleh Tun Perak. Genap tiga kali Seri Amerta berkata itu, maka barulah disahuti oleh Tun Perak, katanya, “Hai Seri Amerta, tuan hamba dengan pedang tuan hamba sebilah itu juga, hendaklah baik-baik tuan hamba peliharakan, jangan diberi berkarat, *jangan kemakanan matanya*. Akan pekerjaan kami orang bekerja ini, di mana tuan hamba tahu? Adapun akan sekarang Duli Yang Dipertuan di dalam negeri ini dengan perempuan anak isteri dan segala perkakas. Maka benarkah pada fikiran tuan hamba kami sekalian datang dengan laki-laki juga, dengan begini jauh Selat Kelang? Jikalau satu hal negeri ini, apa hisab pada kami sekalian? Sebab itu maka segala orang Kelang ini hamba suruh bawa dengan anak isterinya sekali. Nescaya berperang dengan musuh bersungguh-sungguh hatinya; kurang-kurang ia berlawankan Duli Yang Dipertuan lebih ia berlawankan anak isterinya sungguh-sungguh.”

Maka oleh Seri Amerta kata Tun Perak itu semuanya dipersembahkan ke bawah Duli Yang Dipertuan. Maka baginda pun tersenyum, seraya bertitah, “Benar seperti kata Tun Perak itu.”

Maka diambil sirih dari puan baginda, disuruh berikan kepada Tun Perak. Maka titah baginda kepada Tun Perak, “Bahawa Tun Perak tiada patut diam di Kelang lagi; baiklah Tun Perak diam di negeri ini.”

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud *jangan kemakanan matanya*. [2 markah]
- (ii) Apakah yang dilakukan oleh Duli Yang Dipertuan setelah mendengar perkhabaran daripada Seri Amerta? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah seseorang itu perlu berpandangan jauh sebelum melakukan sesuatu perkara? [3 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2(d) – Puisi Moden

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sang Gembala Kuda

Dia lelaki bergelar perkasa
dengan cemeti keberanian di tangan
rembat angkuhnya memacu takut
menghalau kuda-kuda di padang
berebutan memburu kandang.

Rumput dan jerami terhidang
adalah kanun janji kesetiaan
dimamah rakus kala lapar
tak peduli nasib diri setelah kenyang
jadi tunggangan memburu rakan.

Dia lelaki punya kuasa
sesekali suaranya lebih gempita
daripada ringkik kuda sekandang
pacuannya diiring seribu keberanian
meredah onak di rimba perburuan
meranduk lumpur di paya penindasan
sambil melibas cemeti durjana
dia melempar muslihat
aku penyelamat maruah
berjuang atas dasar kebenaran
menentang semua kebobrokan.

Dia lelaki sang gembala kuda
hanya mengenal pantas tunggangan
tanpa membaca keletihannya
dia lelaki sang gembala kuda
hanya tahu mengejar kehebatan
tanpa menghitung kesakitannya
dan kuda-kuda itu ditunggangi
ditunggangi dan ditunggangi!

Mohd Hashim Othman

Istimewa, 2012

Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Antologi Jaket Kulit Kijang

Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan rangkap ketiga sajak tersebut, nyatakan sebab Sang Gembala Kuda dianggap sebagai lelaki yang mempunyai kuasa? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri yang perlu ada dalam diri seorang pemimpin agar dihormati dan disegani? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

[*Lihat halaman sebelah*
SULIT]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) penuh
- (ii) memenuhi
- (iii) memenuhkan
- (iv) wakil
- (v) mewakili
- (vi) mewakilkan

[6 markah]

- (b) Tukar ayat cakap ajuk di bawah kepada ayat cakap pindah tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) "Amboi, sudah pukul 12.00 tengah hari baru bangun tidur!" kata emak kepada adik.
- (ii) "Mengapa kamu sering datang lewat ke sekolah?" tanya pengetua kepada Ahmad.
- (iii) "Tidak, saya tidak terlibat dalam kejadian buli di asrama," kata Kamil. "Saya difitnah," sambungnya lagi.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Pedarahan dalam otak menjadi punca utama kematian pesakit yang ditempatkan di unit rawatan rapi itu.
- (ii) Bidang keusahawanan menjadi salah satu alternatif bagi menangani masalah pengangguran dalam kalangan lepasan universiti.
- (iii) Nilai kekeluargaan, semangat setiakawan, dan hubungan sosial secara semuka semakin terpinggir sejak kehadiran teknologi komunikasi dalam talian.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Kejadian litar pintas di kilang itu dapat dielakkan jika sekiranya proses keselamatan dipatuhi oleh para pekerja.
- (ii) Kajian mendapati antara graduan yang berestetika dan yang mempunyai nilai spiritual yang baik, biasanya mudah ditawarkan pekerjaan.
- (iii) Ibu bapa seharusnya menggalakkan anak-anak menyertai aktiviti riadah dari membiarkan mereka berpergian di pusat-pusat hiburan tanpa arah tujuan.

[6 markah]

(e) Baca maksud peribahasa di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan maksud peribahasa tersebut.

- (i) Rugi dalam sesuatu perniagaan.
- (ii) Melakukan sesuatu mengikut kemampuan.
- (iii) Seseorang yang tidak menghargai pemberian orang lain.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
 - (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
 - (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
 - (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
 - (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
 - (vi) Tirani karya Beb Sabariah
 - (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mat Yusop
 - (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (a) Latar memainkan peranan penting dalam perkembangan jalan cerita sesebuah novel. Berdasarkan **sebuah** novel yang anda kaji, jelaskan **dua** latar tempat yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda pelajari,uraikan **satu** peristiwa bagi setiap novel yang menimbulkan keinsafan kepada pembaca.
- Berikan alasan anda. [8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT